



06 JUL, 2024

JKDM rampas dadah 49.318kg bernilai RM2.4 juta di Miri, terbesar tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



JKDM rampas dadah 49.318kg bernilai RM2.4 juta di Miri, terbesar tahun ini



KEJAYAAN BESAR: Norizan (tengah) bersama pegawai-pegawai kanan JKDM menunjukkan dadah yang berjaya dirampas hasil tangkapan seorang lelaki warga tempatan pada sidang media di Miri, semalam.

MIRI: Taktik menyembunyikan dadah di dalam ketulan bahan asas untuk membuat sabun gagal mengaburi pihak berkuasa apabila dadah jenis ketamin seberat 49.318 kilogram dianggarkan bernilai lebih RM2.4 juta berjaya dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di sini pada 27 Jun lalu.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak Norizan Yahya berkata, cubaan menyeludup dadah itu berjaya dipatahkan sepasukan pegawai kastam daripada Unit Narkotik Kastam Stesen Miri hasil maklumat risikan Ibu Pejabat JKDM Putrajaya yang

disalurkan oleh Zon Risiko Sarawak pada kira-kira jam 8 malam.

"Sejumlah 48 pekete plastik bertulisan 'Tie Guan Yin' mengandungi ketulan kristal telah ditemui disembunyikan dalam 24 ketulan 'soap base' (bahan asas sabun).

"Hasil ujian awal ke atas ketulan kristal tersebut didapati positif dadah berbahaya jenis ketamin dengan anggaran berat 49.318 kilogram dan anggaran nilai sebanyak RM2,465,900.

"Modus operandi kes ini adalah menggunakan perkhidmatan penghantaran

kargo udara dari Kuala Lumpur ke Miri dengan menyembunyikan barang larangan iaitu dadah berbahaya di dalam ketulan bahan asas untuk membuat sabun dan diikrar sebagai 'soap base' bertujuan untuk mengaburi pihak berkuasa," katanya pada sidang media di Pejabat JKDM Miri semalam.

Hadir sama pada sidang media tersebut ialah Ketua Kastam Stesen Miri Sargandang Liman.

Terdahulu, Norizan menjelaskan rampasan dadah terbesar setakat ini di Sarawak tahun ini adalah hasil daripada tangkapan seorang lelaki warga

tempatan berusia 34 tahun di dalam sebuah kereta sejurus suspek menuntut 24 kotak kiriman dari sebuah syarikat penghantaran kargo udara.

"Pemeriksaan awal ke atas kenderaan berkenaan membawa kepada penemuan 24 kotak yang diikrar sebagai bahan asas untuk membuat sabun, 'soap base' di bahagian bonet (belakang) kereta tersebut.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati setiap kotak mengandungi satu ketulan 'soap base' yang telah dikeraskan.





06 JUL, 2024

JKDM rampas dadah 49.318kg bernilai RM2.4 juta di Miri, terbesar tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 3

JKDM rampas dadah 49.318kg bernilai RM2.4 juta di Miri, terbesar tahun ini

► Dari Muka 1

“Setelah pemeriksaan rapi dibuat, pasukan serbuan menjumpai dua pekot plastik bertulisan ‘Tie Guan Yin’ disembunyikan di dalam setiap ketulan ‘soap base’ tersebut,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata barang kes berserta kereta tersebut kemudiannya disita di bawah Seksyen 30(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi tujuan siasatan lanjut.

“Pada 28 Jun, suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Miri untuk tujuan permohonan reman di bawah Seksyen 31B(1) akta yang sama dan pihak mahkamah telah memerintahkan agar suspek ditahan reman selama enam hari.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan akan dijatuhkan hukuman sebat tidak kurang dari 15 sebatan sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati,” ujarnya.

Sehubungan itu, Norizan menggesa orang ramai membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

“Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah ia turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

“JKDM menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian bebas tol kastam 1-800-88-8855 atau pejabat kastam yang terdekat di semua negeri.

“Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan,” katanya.



06 JUL, 2024

JKDM rampas dadah 49.318kg bernilai RM2.4 juta di Miri, terbesar tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

MIRI: Taktik menyembunyikan dadah di dalam ketulan bahan asas untuk membuat sabun gagal mengaburi pihak berkuasa apabila dadah jenis ketamin seberat 49.318 kilogram dianggarkan bernilai lebih RM2.4 juta berjaya dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di sini pada 27 Jun lalu.